

13 JUL 2001

AGONG UTUS UCAPAN TAHNIAH KEPADA PRESIDEN PERANCIS

KUALA LUMPUR, 14 Julai (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Permasuri Agong Tuanku Siti Aishah mengutuskan ucapan tahniah kepada Presiden Jacques Chirac sempena sambutan Hari Kemerdekaan Perancis.

Menurut kenyataan Kementerian Luar, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut menghantar perutusan serupa kepada rakan sejawatannya Lionel Jospin.

Menurut kenyataan itu, Dr Mahathir berkata beliau benar-benar gembira dengan keadaan hubungan dua hala yang sedia terjalin antara Malaysia dan Perancis dan berharap ia akan diperkukuhkan lagi pada masa depan.

"Saya percaya adalah menjadi cita-cita bersama kita untuk terus bekerjasama erat dalam usaha kita untuk menangani pelbagai cabaran politik dan ekonomi antarabangsa yang dihadapi manusia hari ini," kata beliau.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar turut menghantar perutusan kepada Menteri Hal Ehwal Luar Perancis Hubert Vedrine.

-- BERNAMA

SHS ZS RHM